



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI  
MALAYSIA**

(Bagi Minggu 09/2017 dari 26 Februari hingga 4 Mac 2017)

Pada minggu ke-9 tahun 2017, iaitu dari 26 Februari hingga 4 Mac 2017, sejumlah 1,885 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu penurunan sebanyak 53 kes (2.7%) berbanding 1,937 kes pada minggu sebelumnya namun terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang, Sabah, Terengganu, dan Selangor. Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan dari bulan Januari sehingga 4 Mac 2017 adalah 16,398 berbanding 28,122 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 41.7% (11,724 kes).

Terdapat dua (2) kes kematian dilaporkan sepanjang Minggu ke-9 menjadikan kumulatif kematian Denggi sehingga 4 Mac 2017 adalah sebanyak 42 kematian, berbanding 62 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 20 kematian (32.2%).

Pemantauan lokaliti wabak Demam Denggi menunjukkan sebanyak 691 lokaliti wabak yang masih aktif manakala 83 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 6 buah negeri iaitu di Selangor (61 lokaliti), Perak (13 lokaliti), Negeri Sembilan (4 lokaliti), WPKL & Putrajaya (3 lokaliti) dan masing-masing 1 lokaliti di Sabah dan Johor.

Masyarakat perlu diingatkan bahawa perkara utama dalam mencegah penularan Demam Denggi, Chikungunya dan Zika adalah dengan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar kediaman. Aktiviti semburan kabus yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan hanya dapat membunuh nyamuk dewasa dan tidak membunuh jentik-jentik yang akan menjadi nyamuk dewasa selepas tempoh 7 hari dan berupaya menyebarkan penyakit ini. Oleh itu, KKM menyarankan masyarakat setempat di kawasan bermasalah denggi agar bekerjasama memastikan kediaman dan tempat kerja mereka bebas dari pembiakan nyamuk Aedes melalui aktiviti gotong-royong serta meluangkan masa 10 minit seminggu memeriksa rumah masing-masing. Pemimpin masyarakat setempat juga disaran untuk mengambil inisiatif memastikan masyarakat setempat ke arah tersebut.

Pada minggu ke-9 tahun 2017 iaitu dari 26 Februari hingga 4 Mac 2017, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima sebanyak 44 kes Chikungunya dilaporkan iaitu 30 kes dari Baling, Kedah dan 14 kes dari Gombak, Selangor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang dilaporkan bermula dari Januari hingga 4 Mac 2017 adalah 52 kes dan kesemua kes telah disahkan melalui ujian pengesahan darah. Terdapat lima (5) lokaliti yang melaporkan kes Chikungunya sehingga minggu ke-9 iaitu empat (4) lokaliti di Daerah Baling, Kedah di Taman Batu Pekaka/Jalan Market/Taman Orkid/Taman Insaniah, Taman Sheikh Fadzir, Taman Tanjung Puteri, Kampung Jernang dan satu (1) lokaliti di Gombak, Selangor Kg. Simpang Tiga.

Bagi jangkitan Zika, terdapat sebanyak 76 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 2 Februari 2017. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveilan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari

sehingga 25 Februari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 265 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika, Chikungunya dan Denggi.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**13 MAC 2017**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 09/2017  
(26 Februari hingga 4 Mac 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 09/2016	
		Minggu 09 (26 Feb – 4 Mac 2017)		Minggu 08 (19 Feb – 25 Feb 2017)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	3	0	7	0	40	0	62	0
2	Kedah	26	0	31	0	243	1	203	1
3	P. Pinang	43	0	30	0	367	4	1,301	9
4	Perak	206	0	225	1	1,429	5	1,114	0
5	Selangor	1,030	2	994	2	8,717	10	14,226	20
6	WP KL & Putrajaya	144	0	169	1	1,321	9	1,867	2
7	N. Sembilan	66	0	66	1	622	5	759	5
8	Melaka	31	0	51	0	380	0	608	1
9	Johor	130	0	133	0	1,169	4	4,149	6
10	Pahang	30	0	47	0	442	0	723	2
11	Terengganu	9	0	8	0	66	0	1,186	11
12	Kelantan	88	0	107	1	854	1	590	1
13	Sarawak	23	0	24	0	331	1	445	3
14	Sabah	54	0	45	0	415	2	887	1
15	WP Labuan	2	0	0	0	2	0	2	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,885</b>	<b>2</b>	<b>1,937</b>	<b>6</b>	<b>16,398</b>	<b>42</b>	<b>28,122</b>	<b>62</b>

\* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

## Lampiran B

### LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 09/2017 (26 Februari hingga 4 Mac 2017)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	113	214
2	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	44	130
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 ( Tudm Subang D : Blok F1 - F8 & E1 - E2 )	78	115
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	75	114
5	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Rinching	35	102
6	SELANGOR	Gombak	Kg Klang Gate	19	95
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	18	87
8	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Intan 2	18	79
9	N SEMBILAN	Seremban	Emerald Park	16	78
10	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Melor	11	74
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 ( Pangsapuri Subang Suria : Blok 1 - 8 )	16	72
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	21	71
13	SELANGOR	Gombak	Kg Simpang 3 (Jln Changkat)	15	70
14	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 ( D,E,F,G,H,J,K,T,S,R )	14	68
15	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	35	67

16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	17	67
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 ( Flat J : Blok 79 - 84 )	13	65
18	PERAK	Kinta	Tmn Sin Far	29	64
19	PERAK	Kinta	Tmn Shatin	24	62
20	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	15	61
21	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	22	59
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 ( Flat Jln 17/2, 17/24, 17/26 : Blok 1 - 10 )	25	59
23	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 8)	35	58
24	PERAK	Kinta	Bandar Lahat Baru	19	58
25	SELANGOR	Gombak	Au5c Taman Keramat	13	57
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	26	57
27	SELANGOR	Petaling	Usj 16 (Sri Tanjung Appt)	26	57
28	PERAK	Kinta	Panorama Lapangan Perdana	14	56
29	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	18	55
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 2	23	55
31	PERAK	Kinta	Kg Baru Buntong	20	54
32	PERAK	Kinta	Kg Bercham	12	54
33	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	20	54
34	PERAK	Kinta	Tmn Sri Tanjung	38	53
35	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Permata 1 Batu 9 Cheras	11	53
36	PERAK	Kinta	Tmn Intan	17	53
37	WPKL	Cheras	Apartment Lumayan, Bdr Sri Permaisuri	12	52
38	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Nuri Bandar Bukit Mahkota	21	51

39	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Jaya Utama Zon 1	13	50
40	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 1 (Jln Sb Indah 1/2-1/9)	16	49
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 8	14	49
42	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Damai Mewah	10	48
43	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	12	48
44	SELANGOR	Gombak	Tmn Greenwood	13	47
45	SELANGOR	Hulu Langat	Flat 610 Pandan Indah	14	47
46	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psm Perdana (One South)	7	47
47	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	12	47
48	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Teknologi	14	46
49	WPKL	Cheras	Desa Tasik Polis (Blok 19-49)	9	46
50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 4/1-4/9 Taman Pelangi Semenyih	20	46
51	SELANGOR	Gombak	Tmn Selaseh Fasa 2	13	44
52	JOHOR	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	11	44
53	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 12	10	43
54	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/31-32 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	19	42
55	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 ( Dataran Otomobil : Blok 1 - 18 )	12	42
56	N SEMBILAN	Seremban	Taman Semarak Fasa 2	10	41
57	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 7	8	41
58	SELANGOR	Sepang	Apt Kekwa	17	41
59	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6 Flat Pelangi Damansara (G,H,I,J,K)	8	40
60	PERAK	Kinta	Waller Court	6	40
61	PERAK	Kinta	Tmn Maju Rapat	8	40
62	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Brunfield Riverview )	9	39

63	PERAK	Kinta	Tmn Chepor Jaya	7	39
64	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	12	39
65	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Sentang	9	39
66	PERAK	Kinta	Kg Baru Kuala Kuang	9	39
67	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Ria Taman Sepakat Indah	6	38
68	SELANGOR	Gombak	Appt Delima Tmn Tun Teja	6	37
69	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1&3 Taman Sri Jelok	15	37
70	SELANGOR	Hulu Langat	Kyk Heights Seri Kembangan	17	37
71	SELANGOR	Gombak	Tanah Gantian Sg Tua	7	36
72	N SEMBILAN	Seremban	Tmn Satria	7	36
73	N SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya Fasa 2	7	34
74	SELANGOR	Gombak	Au4 Tmn Keramat	5	34
75	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Permai Court Taman Dato Ahmad Razali	6	33
76	SELANGOR	Klang	Sek 31 (Pangsapuri Sri Kemuning)	9	33
77	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Intan Taman Bukit Permai	4	33
78	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Kajang Prima	15	33
79	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	9	32
80	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2,4,6&8 Taman Sri Jelok	6	32
81	SELANGOR	Petaling	Seksyen 33 (Taman Alamindah : Jln 33/9 – 33/18 & Rumah Pangsa)	15	31
82	SELANGOR	Kuala Langat	Jalan Sp4, Bsp	7	31
83	SABAH	Semporna	Bangau-Bangau	6	31